

# Dunia kritikan sastera lesu

» *Penilaian hanya bertumpu pengarang mapan yang masih dilabel penulis muda*

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafiza@bh.com.my

**H**ubungan antara kritikan sastera dan dunia kesusasteraan Melayu mungkin terputus jika kita mengambil kira senario kekurangan pengkritik

sastera masih melabelkan Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2010 dan 2011, iaitu Zainal Palit (Zaen Kasturi) dan Syed Mohd Zakir Syed Othman (SM Zakir) serta Penerima Anugerah Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) 2013, Rahimidin Zahari sebagai penulis muda.

Ini kerana sekiranya mereka diistilahkan sebagai penulis muda, apakah penulis yang benar-benar muda seperti Ruhaini Matdarin, Wan Noor Azriq Wan Mokhtar dan Roslan Jemel, perlu digelar sebagai penulis remaja?

Kenyataan 'menghiris' itu disimpulkan pada Dialog Orang Muda (DOM) berjudul *Kritikan Sastera: Mati atau Lena?* di Rumah Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Kuala Lumpur, baru-baru ini, yang menampilkan

pan kritikan sastera bermula dekad 1990-an hingga kini.

Kritikan sastera yang dibuat jika ada pun tidak langsung menyentuh karya penulis pada zamannya, sebaliknya lebih mengangkat karya pengarang mapan, sasterawan negara (SN) atau teks hikayat yang sudah masyhur seperti *Sulatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah*.

## **Bimbang implikasi**

Banyak persoalan dilontarkan. Apakah pengkritik sastera tidak membaca karya mutakhir? Apakah mereka sudah terputus hubungan dengan dunia sastera? Apakah mereka sebenarnya dibebankan dengan kerja akademik atau pentadbiran? Atau mereka terpaksa mengikut rentak kebanyakan universiti di negara ini yang lebih mengejar penara-

banding awal dekad 1990-an, yang mana kritikan sastera rancak sehingga banyak teori dibina seperti takmilah, tauhid dan perkaedahan Melayu.

"Bagaimanapun, teori hanya tinggal teori dan tiada aplikasi, sekali gus memperlihatkan seolah-olah sarjana ghairah mencipta teori, sebaliknya terlupa untuk mengaplikasikannya pada karya penulis," katanya yang juga Pegawai Perancang Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Saifullizan menganggap meskipun media membuka ruang untuk polemik, tetapi kebanyakan sarjana mengambil jalan berdiam diri kerana mungkin bimbang terhadap implikasi yang berlaku.

"Tentu saja khalayak sastera masih ingat polemik antara SN Muhammad Haji Salleh dan pengkritik sastera, Mohd Affandi Hassan.

"Kritikan sastera seakan-akan menakutkan sehingga tiada yang berani menjawab kritikan meskipun dibuka gelanggang. Hanya Dr Fatimah Busu yang 'melawan' Prof Dr Ungku Maimunah yang mengkritik *Salam Maria* menerusi tulisannya, Sarjana Nasi Dingin," katanya pada dialog anjuran Biro Penulis Muda PENA.



“**Bagaimanapun, teori hanya tinggal teori dan tiada aplikasi, sekali gus memperlihatkan seolah-olah sarjana ghairah mencipta teori, sebaliknya terlupa untuk mengaplikasikannya pada karya penulis**”

Saifullizan Yahya,  
Penulis

tanah air yang menulis kritikan karya mutakhir, sebaliknya lebih tertumpu kepada pengarang mapan.

Tidak salah untuk menyebut pengkritik sastra seakan-akan tidak menyedari zaman sudah berlalu apabila masih lagi menggunakan label penulis muda kepada pengarang yang tidak lagi wajar digelar demikian.

Justeru, sangat janggal apabila sebahagian pengkritik

pengarang, Saifullizan Yahaya; Pengajar Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Zarif Hassan dan penulis, Hafiz Hamzah.

### Dialog hangat

DOM pada awalnya bermula dengan nada mendatar menjadi hangat setelah 'diusik' oleh moderatornya, Hazwani Rameli (Rebecca Ilham) dan peserta yang melontarkan persoalan kemala

fan?

Tidak hairanlah Saifullizan mengingatkan kritikan sastra sangat diperlukan untuk menilai dan mentafsir karya berdasarkan ukuran yang berlandaskan teori, sekali gus akan membedah kekuatan dan menilai kelemahan karya dengan tujuan menghasilkan karya lebih baik.

"Persoalannya apakah kritikan sebegitu berlaku? Saya mengiakan kewujudannya, tetapi ia lesu ber-

### Hubungan pengkritik, dunia sastra

Saifullizan menempelak pengkritik sastra yang tidak mahu berusaha mengkritik karya penulis muda dalam konteks sastra seperti Ruhaini atau Wan Nor Azriq.

"Mereka masih berlegar pada nama pengarang yang kononnya muda, tanpa sedar ia memperlihatkan hubungan

pengkritik dengan dunia sastra kelihatannya terputus," katanya.

Bagaimanapun, Muhammad Zarif menegaskan kritikan sastra secara umum tidak mati, malah tidak adil untuk menyifatkannya mati atau lena.

"Barangkali kritikan sastra tidak ada atau 'mati' dalam aspek tertentu seperti kajian karya agung dan akademik, malah sebagai elemen kepada kemantapan karya, kritikan sastra tetap perlu ada," katanya

Sementara itu, Hafiz menyifatkan denyut dan gerakan sastra tidak dirasai oleh masyarakat umum, sekali gus menyebabkan kritikan sastra tidak disedari kewujudannya.

"Kritikan sastra bermula dengan gerakan seni untuk sastra, tetapi kini ia dibuat atas tuntutan akademik sedangkan tulisan seumpamanya wajar berada di tengah-tengah khalayaknya sendiri," katanya.

Dalam sejarah kesusasteraan tanah air, kritikan sastra bermula agak lewat berbanding Barat kerana ia hanya berlaku pada tahun 1935, penulis yang dikenali sebagai Keris Melayu bercakap tentang Tun Seri Lanang dan Abdullah Munshi, sebelum menimbulkan polemik apabila mendapat reaksi Anak Melayu.

Pada dekad 1960-an pula, ia semakin rancak apabila Tan Sri Prof Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas mengangkat Hamzah Fansuri sebagai tokoh persuratan moden berbanding Abdullah Munshi, manakala polemik sastra Islam antara SN Datuk Shanon Ahmad dan Kassim Ahmad.



Sebahagian hadirin serius mendengar hujahan ahli panel ketika mengadakan wawancara Kritikan Sastra: Mati Atau Len? di Rumah PENA, Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur.

[FOTO NIK HARIFF HASSAN/BH]